

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR]

TARIKH : 22 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR] minta **MENTERI ALAM
SEKITAR DAN AIR** menyatakan siapakah 20 akaun penghutang bil air
tertinggi bagi setiap negeri serta jumlah nilai hutang tertunggak masing-
masing.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Secara amnya, semua operator air negeri adalah tertakluk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Dalam hal ini, operator air hanya boleh menggunakan data peribadi serta maklumat lain mengenai penggunaanya bagi tujuan pemrosesan permohonan bekalan air serta bagi memenuhi kewajipan undang-undang apabila dikehendaki. Sebagai contoh, bagi pematuhan terhadap keperluan mana-mana agensi penguatkuasaan undang-undang, perintah mahkamah atau proses perundangan. Oleh yang demikian, maklumat spesifik mengenai identiti akaun penghutang serta jumlah nilai hutang tertunggak masing-masing tidak dapat dinyatakan.

2. Secara keseluruhannya, jumlah hutang tertunggak bagi 20 penghutang bil air tertinggi bagi setiap negeri di bawah kawal selia SPAN sehingga 30 September 2021 adalah RM68.9 juta dengan pecahan mengikut negeri seperti berikut:

- a. Kedah – RM3.6 juta
- b. Perlis – RM4.2 juta
- c. Pulau Pinang – RM8.0 juta
- d. Perak – RM2.1 juta
- e. Kelantan – RM0.9 juta
- f. Terengganu – RM0.9 juta
- g. Pahang – RM2.0 juta
- h. Selangor – RM19.8 juta
- i. Negeri Sembilan – RM13.0 juta
- j. Melaka – RM1.7 juta
- k. Johor – RM9.6 juta
- l. Labuan – RM3.2 juta

Sekian terima kasih.